☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 14/5/2012
Hari: ISNIN MS: 20
Ruangan: MEGA Kampus

Media UUM terima penghargaan

WARTAWAN dan jurufoto di Seksyen Media Universiti Utara Malaysia (UUM) dihargai oleh Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Bank Simpanan Nasional (BSN) kampus UUM di Sintok, Kedah baru-baru ini.

Pengetua DPP BSN, **Shahrin Ahamad** dalam ucapannya berkata, peranan media UUM dihargai kerana sumbangan mereka yang menjadi orang tengah dalam menyampaikan kebahan dan memuatkan berita untuk dihantar kepada media perdana.

"Sesungguhnya peranan mereka memberi suntikan kepada pelajar di DPP ini melalui berita dan gambar yang disiarkan khususnya dan UUM amnya memberi suntikan dan semangat untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan kerana mendapat liputa media," ujarnya.

Beliau menambah, pasukan media UUM amat dihargai kerana liputan mereka bukan sahaja dalam kampus malah ada kalanya mengikut aktiviti pelajar ke dalam hutan, membantu mangsa banjir dan lain-lain.

Majlis disertai dengan persembahan kebudayaan 1Malaysia dan penampilan artis Fauziah Nawi yang dibawa oleh Unifilm UUM.

FAUZIAH Nawi menerima cenderamata daripada Samsudin Oli Mohamed di majlis menghargai wartawan dan jurufoto UUM itu di Sintok, Kedah baru-baru ini.

Sementara itu, **Samsudin Oli Mohamed** yang mewakili pihak Media UUM melahirkan rasa bangga kerana DPP BSN mengadakan program berkenaan bagi menghargai peranan wartawan dan jurugambar di universiti tersebut.

"Saya melihat jalinan kerjasama dan kesepakatan serta cepat membuat keputusan dalam memenuhi hasrat untuk mendapatkan berita memudahkan kami membuat liputan dan memenuhi pula permintaan dari pihak media untuk memaparkan berita kampus terutama aktiviti pelajar dan personaliti pelajar," katanya.

Program ini diadakan dengan kerjasama Unifilm UUM.